

The book cover features a central portrait of Mahathir Mohamad, the former Prime Minister of Malaysia, wearing a dark suit and a blue polka-dot tie. He is smiling slightly and looking towards the camera. Behind him, two other portraits of him are visible, one to the left and one to the right, both in a more serious expression. The background is a composite of the Malaysian flag (Jalur Gemilak) and the United States flag. A large, stylized yellow sunburst graphic is positioned behind the top text.

KOLEKSI UCAPAN
PERDANA MENTERI
— TUN DR. —

MAHATHIR

M O H A M A D
2018

MEMBINA HARAPAN MENUJU KEJAYAAN

MAHATHIR

KOLEKSI UCAPAN
PERDANA MENTERI
—TUN DR.—

MAHATHIR

M O H A M A D

2018

“MEMBINA HARAPAN
MENUJU KEJAYAAN”

Cetakan Pertama 2018

ISBN 978-983-2658-21-4

Hak Cipta Terpelihara

@ Jabatan Penerangan Malaysia, 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada penerbit.

DITERBITKAN DI MALAYSIA OLEH :



Bahagian Penerbitan Dasar Negara Jabatan Penerangan Malaysia

Aras 13, Kompleks KKMM,
No.49, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya.

Tel : 03-8911 3440

Faks : 03-8911 4957

E-mel : webmaster@inform.gov.my

Laman Sesawang : www.penerangan.gov.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan


Hairun Sulung Nabuat

KOLEKSI UCAPAN PERDANA MENTERI TUN DR. MAHATHIR
MOHAMAD = SPEECHES OF PRIME MINISTER 2018 / EDITOR: Lim
Ann Teck; PENOLONG EDITOR : Norhazuren Halid ; PENGARANG &
PENYELARAS: Hairun Sulung Nabuat, Timothy Palavadram.

ISBN 978-983-2658-21-4

1. Mahathir Mohamad, Tun, 1925-
2. Speeches, Adresses, etc.
3. Prime ministers--Malaysia.
4. Government publications--Malaysia.
5. Malaysia--Politics and government.
 - I. Timothy Palavadram. II. Lim, Ann Teck.
 - III. Norhazuren Halid. IV. Judul.

ISBN 978-983-2658-21-4



9 789832 658214 >

PENASIHAT

Dato' Haji Ibrahim Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia

SIDANG EDITORIAL

EDITOR

Lim Ann Teck

PENOLONG EDITOR

Norhazuren Halid

PENGARANG & PENYELARAS

Hairun Sulung Nabuat
Timothy Palavadram

PEMBANTU PENYELARAS

Saidatulaini Mohamed Yusoff

SUMBER FOTO

Unit Fotografi
Cawangan Pusat Sumber dan Foto
Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka
Jabatan Penerangan Malaysia.

Bernama

REKA BENTUK DAN DICETAK OLEH :

Pewaris Gemilang
No. 27G, Jalan Putra 8, Taman
Kajang Putra,
43000 Kajang, Selangor



Imbasan Kod QR
untuk Versi digital

RUKUN NEGARA

Bahawasanya negara kita, Malaysia mendukung cita-cita hendak:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:-

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

KANDUNGAN

KOLEKSI UCAPAN PERDANA MENTERI TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
2018 | MEMBINA HARAPAN MENUJU KEJAYAAN

Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri Bulan Mei 2018. Dataran Perdana, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya 21 Mei 2018	9
Perutusan Hari Raya Aidilfitri 2018. Putrajaya, Malaysia 14 Jun 2018	17
Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang. Padang Kota Lama, George Town, Pulau Pinang 4 Ogos 2018	23
Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri Bulan Ogos 2018. Dataran Perdana, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya 13 Ogos 2018	31
Perutusan Hari Kebangsaan 2018. Putrajaya, Malaysia 30 Ogos 2018	39

Perutusan Hari Malaysia 2018. 47
Padang Merdeka, Kota Kinabalu
16 September 2018

Ucuptama Kajian Separuh Penggal 55
Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 :
Keutamaan dan Penekanan Baharu.
Dewan Rakyat, Bangunan Parlimen
18 Oktober 2018

Perasmian Pameran Pertanian, Hortikultur dan 85
Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2018
Tapak Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) Serdang
22 November 2018

Perasmian Anugerah Akademik Negara 2018 93
Hotel Marriot, Putrajaya
27 November 2018



PERUTUSAN MENTERI

YB TUAN GOBIND SINGH DEO
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia



“Buku ini akan menjadi khazanah rujukan oleh semua peringkat masyarakat, kerana kandungan buku ini mempunyai inti pati nilai yang tinggi serta idealisme daripada seorang negarawan terbilang yang akan memacu negara ini ke kemuncak kejayaan.”

Salam Harapan dan Salam Sayangi Malaysiaku;

Tahniah kepada Jabatan Penerangan Malaysia kerana berjaya menerbitkan buku **Koleksi Ucapan Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad 2018: Membina Harapan Menuju Kejayaan**. Koleksi ini disediakan untuk bahan bacaan, rujukan dan simpanan, masyarakat sebagai panduan serta pemangkin yang bermanfaat dalam merealisasikan pembinaan negara maju bertunjangkan HARAPAN BAHARU rakyat.

Buku **Koleksi Ucapan Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad 2018**, ini memberi gambaran kesungguhan Kerajaan Baharu melaksanakan perancangan secara bersepadu yang drastik serta menyeluruh bagi memerangi kleptokrasi, rasuah dan integriti negara diperkukuhkan apabila mengambil alih daripada pemerintahan terdahulu. Pelaksanaan perancangan ini melihat kesungguhan Kerajaan Baharu sangat komited dalam membangunkan semula negara dan meningkatkan kesejahteraan kepada rakyat.

Justeru itu, Kerajaan Baharu telah menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) bagi menyelamatkan Malaysia dengan melaksanakan usaha-usaha membentaras rasuah dengan berkesan dan menyeluruh.

Oleh itu, adalah menjadi tugas kita semua untuk memulihkan imej negara supaya kembali dipandang tinggi dan dihormati di seluruh dunia. Dengan demikian kedaulatan undang-undang akan menjadi tunjang kepada pentadbiran Kerajaan Baharu seperti kata YAB Perdana Menteri:

“Kita kena ingat, yang salah adalah salah. Yang salah mesti dihukum oleh undang-undang negara. Hanya dengan cara itu boleh kita bersihkan pentadbiran kita.”

Akhir sekali, saya berharap buku ini akan menjadi khazanah rujukan oleh semua peringkat masyarakat, kerana kandungan buku ini mempunyai inti pati nilai yang tinggi serta idealisme daripada seorang negarawan terbilang yang akan memacu negara ini ke kemuncak kejayaan.

Sekian,



GOBIND SINGH DEO
Menteri Komunikasi dan Multimedia





PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI BAGI BULAN MEI 2018

DATARAN PERDANA, BANGUNAN PERDANA PUTRA,
PUTRAJAYA | 21 MEI 2018



PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI BAGI BULAN MEI 2018

DATARAN PERDANA, BANGUNAN PERDANA PUTRA,
PUTRAJAYA | 21 MEI 2018

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya bersyukur kerana sekali lagi dapat memainkan peranan di dalam pentadbiran negara yang bertuah ini. Saya juga bersyukur kerana dapat sekali lagi berjumpa dengan anggota pentadbiran dari Jabatan Perdana Menteri.

Kita harus sedar bahawa negara kita ini dahulu dihormati tetapi sekarang kita sudah tidak dihormati seperti dahulu. Justeru menjadi tugas kita semua untuk memulihkan negara kita ini supaya sekali lagi ia dipandang tinggi dan dihormati oleh seluruh dunia. Inilah perjuangan kita semua.

Saya amat kecewa kerana sebuah pentadbiran yang dahulu dikenali sebagai sebuah negara yang terbaik dalam Komanwel yang dapat menjalankan tugas dengan baik dan melaksanakan semua program serta perancangan dengan jayanya, tetapi hari ini kita dapati negara kita tidak lagi dihormati dan pentadbir kita juga tidak lagi dipandang tinggi.

Menjadi tugas kita semua untuk memulih keadaan ini supaya kita kembali menjadi sebuah negara yang ditadbir dengan baik dan boleh berjaya dalam pembangunan negara serta dikenali sebagai negara yang mampu mendirikan negara sendiri dengan usaha sendiri.

Kita adalah sebuah negara yang dikatakan demokratik. Di antara pentadbiran negara demokratik ialah perpisahan antara tiga kuasa dalam negara kita. Aspek pemisahan kuasa antara **Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman** amat penting bagi memastikan salah urus tadbir tidak berlaku. Asas-asas negara demokratik ini perlu ada perpisahan antara tiga kuasa iaitu pembuat undang-undang, pelaksana undang-undang dan kehakiman. Perpisahan ini amat penting kerana jika tidak ada *check and balance* seperti ini, maka tetap akan berlaku sesuatu yang tidak baik, yang tidak dapat ditegur, tidak dapat dihalang dan tidak dapat ditentang. Inilah yang kita harus ingat, pentadbir menjadi tangan yang terkuat dalam melaksanakan segala urusan untuk membangunkan negara dan pentadbir mestilah terdiri daripada pentadbir yang baik yang tidak terpesong kerana sebab-sebab yang lain. Ini amat penting sekali dan saya yakin semua kita tahu bahawa kita sebagai pentadbir mestilah akur kepada sistem pemerintahan negara kita iaitu sistem demokrasi.

Kalau tidak ada perpisahan ini, maka satu pihak akan menguasai ketiga-tiga pihak dan satu pihak lagi itu tidak akan ditegur dan ditentang

bahkan ianya akan menjalankan segala-galanya walaupun apa yang dijalankan atau dicadangkan itu bertentangan dengan undang-undang negara.

KUASA PENTADBIRAN

Sebab itu kita mempunyai tiga kuasa dalam negara kita dan di antaranya adalah pentadbiran. Pentadbiran merupakan peranan yang amat penting sekali. Mereka mestilah terdiri daripada anggota yang berpegang kepada ikrar mereka untuk berkhidmat demi negara tanpa dipesongkan oleh lain-lain perkara umpamanya kalau kita disuruh melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang negara, maka menjadi tanggungjawab pentadbir untuk tidak menerima sesuatu yang salah.

Kita lihat dalam beberapa tahun yang lepas ini pentadbir tidak mempunyai kuasa menegur atau pun menentang apabila disuruh melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang negara.

Kita dapati ramai daripada anggota pentadbir yang mungkin kerana takut, disogok dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak

baik yang merugikan negara. Kita juga dapati kewangan negara umpamanya sudah dicabul dengan begitu besar sehingga sekarang ini kita menghadapi masalah penyelesaian hutang yang sudah meningkat kepada trilion ringgit. Ini tidak pernah dilakukan oleh kita. Dahulu kalau kita ada hutang yang jumlahnya tidak lebih dari tiga ratus bilion ringgit, tetapi sekarang telah meningkat kepada lebih satu trilion ringgit. Bagaimana kita hendak selesaikan hutang ini adalah bergantung kepada usaha kita dan daya fikir kita untuk mengatasi cabaran ini. Untuk ini, kita perlu bekerjasama antara pihak yang menjadi kerajaan daripada wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat dan juga pentadbiran. Tetapi pentadbir tidak harus melakukan apa-apa yang bertentangan dengan undang-undang walaupun diarah oleh pihak yang menjadi kerajaan sekarang ini.

Perpisahan kuasa antara kita perlu dikekalkan hanya dengan cara itu sahaja boleh menentukan tiada penyelewengan dalam pentadbiran negara kita.

Sebenarnya Malaysia adalah sebuah negara yang mampu menghadapi pelbagai cabaran jika berpegang kepada prinsip-prinsip yang

telah diletakkan di bawah sistem pentadbiran demokrasi. Jika kita pegang kepada prinsip seperti ini, kita boleh lawan dengan seluruh dunia.

Kita buktikan apabila mata wang kita diserang dan kita dapat mengatasi masalah yang besar ini kerana kita semua bekerja ke satu arah sahaja iaitu untuk mempertahankan negara kita.

Kita juga telah dilihat bagaimana negara yang dahulunya adalah negara pertanian dapat ditukar kepada sebuah negara industri dengan tidak menimbulkan banyak masalah. Hari ini kita sudah menjadi negara industri tetapi pertanian juga memerlukan perhatian oleh kita.

Industri memerlukan lebih banyak ilmu pengetahuan di dalam kalangan pentadbir. Mereka akan terpaksa menangani permintaan yang berasaskan kepada teknologi baharu yang tinggi dan kalau kita tidak faham apa itu teknologi maka tidak mungkin kita akan memberikan khidmat yang terbaik kepada pelabur dan lain-lain.

Sebab itu, kita perlu tingkatkan keupayaan, pengetahuan dan ilmu di kalangan pentadbir-pentadbir



khususnya di Jabatan Perdana Menteri ini. Kita akan lihat perubahan-perubahan yang akan dilakukan hanya setelah dikaji dengan mendalam akan keperluan perubahan-perubahan ini. Saya tidak boleh jelaskan apakah ianya perubahan yang akan dilakukan kerana di waktu ini kita belum dapat maklumat yang cukup untuk membuat perubahan ke arah yang baharu.

Namun kita yakin dengan ilmu pengetahuan yang ada pada pentadbir sendiri dan juga kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat, saya yakin kita boleh membuat perubahan dengan tidak meningkatkan kos pentadbiran negara. Ini bukan soal

menambah pegawai semata-mata atau menubuhkan badan-badan institusi yang baharu tetapi untuk menggunakan institusi yang sedia ada sepenuhnya dengan cara yang lebih efisien supaya kita dapat capai matlamat kita tanpa meningkatkan kos negara kita.

Di negara kita ini didapati sekarang terdapat usaha semata-mata untuk *high income* atau pendapatan yang tinggi tetapi pendapatan yang tinggi yang tidak memberi kepada barangan yang lebih tidak mempunyai makna sama sekali. Sebab itu yang lebih penting ialah daya beli wang kita dan daya beli pendapatan kita. Kalau kita naikkan wang yang kita bayar sebagai upah, tetapi pada masa yang sama,

Apabila pentadbiran kita menjadi lebih bersih, dikenali, efisien dan maju, maka pada ketika itu akan terpulihlah negara kita.

harga barang meningkat dengan tinggi, maka wang yang ditambah itu tidak mungkin akan membeli lebih daripada dahulu.

Dengan itu, kenaikan *income* tidak akan memberikan apa-apa kesan kebaikan kepada kita. Banyak lagi perkara yang perlu kita kaji sekarang ini dan dalam usaha semua anggota dalam kerajaan akan memberi kerjasama dan menyumbang ilmu dan pengetahuan yang ada pada mereka. Saya bersyukur kerana sehingga kini saya tidak menghadapi banyak masalah tentang kerjasama daripada pegawai-pegawai sedia ada. Tetapi kita harus ingat bahawa yang salah tetap salah, sebarang perbuatan yang salah mestilah diuruskan mengikut undang-undang negara. Hanya dengan cara itu sahaja, dapat kita bersihkan pentadbiran kita. Apabila pentadbiran kita menjadi bersih, dikenali, efisien dan maju, maka pada ketika itu akan terpulihlah negara kita. Sebab itu, saya harap dapat kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam urusan yang dilakukan oleh

saya sebagai Perdana Menteri asalkan apa yang saya dilakukan itu tidak bertentangan dengan dasar-dasar negara ataupun undang-undang negara. Kita perlu menghormati perlembagaan negara kita ini yang sekian lama telah berjaya menyusun dalam pentadbiran kita.

Sebab itu, kita perlu mewujudkan pentadbiran yang mengutamakan undang-undang negara. Undang-undang diadakan bukan untuk memberi kuasa kepada kerajaan semata-mata tetapi diadakan untuk melindungi rakyat daripada sebarang jenayah yang dilakukan oleh mana-mana pihak termasuk juga jenayah yang dilakukan oleh kerajaan. Sebab itu, *the rules of law* adalah begitu penting sekali bagi menjayakan sebuah pentadbiran demokratik. Inilah yang kita idam-idamkan dan percaya dengan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan, kita akan mencapai matlamat-matlamat kita. Saya harap dengan pertukaran kerajaan ini, kita dapat memperbaiki masalah yang dihadapi oleh negara terutama

masalah kewangan. Kita yakin kita boleh atasi masalah ini. Tetapi kita perlu kepada pentadbiran yang cekap, efisien dan amanah.

“Harapan saya dan saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana mendapat peluang ini untuk menjelaskan sedikit sebanyak tentang pendirian Kerajaan Baharu yang kita telah pilih baru-baru ini.”

Saya harap dengan kerjasama daripada anggota pentadbir negara di Jabatan Perdana Menteri dan di kementerian-kementerian yang lain, maka dalam jangka masa yang tidak terlalu panjang, kita dapat memulihkan negara kita ini supaya sekali lagi negara kita dihormati oleh dunia.

Sekian, terima kasih.







PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI 2018

PUTRAJAYA | 14 JUN 2018





PERUTUSAN HARI RAYA ADILFITRI 2018

PUTRAJAYA | 14 JUN 2018

Alhamdulillah, esok, 1 Syawal 1439 Hijrah, umat Islam di Malaysia akan merayakan hari kemenangan. Kemenangan melawan nafsu. Nafsu di sini bukan sahaja terhad kepada menahan lapar dan dahaga tetapi juga melawan nafsu dengan menolak apa jua perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Dalam kehidupan seharian kita, tidak dapat tidak, pertembungan akan berlaku antara kehendak nafsu dan tuntutan memenuhi segala yang baik dalam ajaran agama kita. Ada kalanya nafsu menghumban kita ke dalam perbuatan perkara-perkara yang dilarang. Ini akan mencemarkan imej kita sebagai seorang Muslim.

Tetapi Alhamdulillah, Islam itu sempurna. Jika diamati dengan teliti, ianya tetap menjadikan kita manusia yang baik dan berjaya. Islam bukan sahaja agama. Islam adalah juga *Ad-deen* - cara hidup. Setiap gerak-geri, perbuatan dan tindak-tanduk kita tertakluk kepada nilai agama kita. Demikian kita dituntut menjaga disiplin diri, menjaga mulut dari menutur perkara-perkara yang tidak elok, bersederhana di dalam apa jua perkara dan lain-lain lagi.

Allah Subhanahu Wataala, Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani tetap melimpahkan rahmat-Nya kepada kita dan di bulan Ramadan yang mulia ini kita dijanjikan limpahan rahmat yang begitu banyak. Semoga amalan-amalan yang kita lakukan di bulan Ramadan ini akan memperkuatkan lagi iman kita, Insya-Allah.



Nilai hidup yang kita amalkan akan menentukan jaya atau tidaknya bangsa kita, atau diri kita seorang. Insya-Allah jika kita amalkan ajaran Islam seperti yang terdapat dalam Al-Quran kita akan berjaya di dunia dan di akhirat.

Janganlah kita ikuti ajaran yang bertentangan dengan Al-Quran dan hadis yang sahih yang dibawa oleh orang tertentu kerana ini akan menghalang kita dari mencapai kejayaan dan akan berlakulah kerosakan kepada diri kita dan masyarakat. Ingatlah. Perbendungan nafsu yang kita lakukan semasa berpuasa mengajar kita berdisiplin dalam kehidupan kita. Sudah tentu jika ambil iktibar dari amalan ini, maka kita juga akan mampu membendung

nafsu dalam segala perkara yang mencabar kita.

Negara baru-baru ini melalui proses pertukaran kerajaan. Buat pertama kalinya, parti yang sejak merdeka memerintah telah kehilangan kuasa. Alhamdulillah proses undian telah berjalan dengan aman, dan peralihan kuasa, walaupun tidak licin, masih aman dan teratur. Tidak terjadi rusuhan atau kekecohan sebagaimana di sesetengah negara lain.

Rakyat telah menunjukkan kuasa mereka dengan menolak pemerintah yang mereka rasakan tidak adil dan menindas, dan telah memilih Kerajaan Pakatan Harapan. Setelah mengambil alih pentadbiran, adalah jelas bahawa kerosakan yang berlaku pada negara adalah lebih serius dan di luar jangkaan awal. Hutang negara telah meningkat dengan begitu tinggi sekali.

Kerajaan Pakatan Harapan bagaimanapun berjanji akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengembalikan negara ke landasan yang betul. Tetapi untuk mencapai matlamat ini, langkah penjimatan perlu diambil, dan wang yang tidak



halal tidak lagi boleh diagih kepada rakyat untuk menawan hati. Dengan ini, orang ramai hendaklah terima keperluan berjimat bersama dengan kerajaan.

Percayalah korban yang sedikit yang kita ambil sekarang akan menghasilkan kesejahteraan hidup kita di masa hadapan. Inilah khasiat dari berkorban.

Jika kita tentukan negara aman dan selamat, maka pelabur akan melabur dengan ramainya, dan peluang pekerjaan akan bertambah. Ini tetap akan menyelesaikan masalah pengangguran yang menimpa ramai dari rakyat, termasuk mereka yang berkelulusan tinggi.

Sempena berakhirnya Ramadan dan menjelangnya Hari Raya Puasa ini, marilah kita renungkan akan cabaran dan dugaan yang kita hadapi sekarang, dan bagaimana dapat kita mengatasinya. Insya-Allah dengan berkat usaha yang kuat dan sikap tidak akan menyerah kalah, usaha ini akan diberkati Allah dan kita pasti akan berjaya melepasi segala rintangan.

Percayalah, apa yang dihadapi oleh kita sekarang, tidak seberat apa yang dihadapi rakan-rakan kita di beberapa buah negara lain terutamanya di Timur Tengah.

Oleh itu marilah kita bersyukur dengan nasib kita serta ambil iktibar dan insaf terhadap apa yang berlaku kepada saudara seagama kita yang berada di negara-negara lain di mana demokrasi yang diharap tidak mencapai tujuannya dan sebaliknya, perang saudara berlaku yang menghancurkan negara tersebut sama sekali.

Sekurang-kurangnya di sini kita masih dapat menjalankan ibadah puasa di bulan Ramadan serta menyambut Aidilfitri dengan penuh keselesaan dan selamat, bersama sanak saudara dan keluarga yang tersayang tanpa perlu risau dan terancam samada kita akan diserang musuh, atau dipaksa berjalan kaki dan berhijrah ke negara lain akibat bumi sendiri mengalami kehancuran.

Kepada semua kaum Muslimin saya dan isteri saya sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri maaf, zahir dan batin, di atas apa juga kesilapan yang mungkin kami telah lakukan selama ini. Semoga kita semua dilimpahi rahmat oleh Allah s.w.t. Insya-Allah. Kepada saudara-saudari yang bukan Islam, rayakanlah hari kebesaran ini bersama-sama dengan rakan-rakan Muslim anda. Marilah kita bersama-sama memupuk semangat bersatu padu antara kaum di negara ini sempena Raya Aidilfitri.

Dan kepada yang pulang berhari-raya di kampung halaman, ingatlah orang yang tersayang menanti. Oleh itu pandulah dengan cermat agar kita selamat dan bertemu mereka.

Selamat Hari Raya Aidilfitri.







MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2018

PADANG KOTA LAMA, GEORGE TOWN,
PULAU PINANG | 4 OGOS 2018



MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2018

PADANG KOTA LAMA, GEORGE TOWN,
PULAU PINANG | 4 OGOS 2018

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera kepada semua rakyat Malaysia.

Setinggi-tinggi kesyukuran, Alhamdulillah saya lafazkan ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapat kita berhimpun pada hari ini di Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dengan mengibar Jalur Gemilang sebagai tanda kegembiraan dan kesyukuran kita bagi tahun 2018.

Kali ini kemerdekaan kita mempunyai lebih makna kerana bukan sahaja kita rayakan kemerdekaan dari penjajahan oleh kuasa asing, tetapi juga dari kleptokrasi, dari pemerintahan kuku besi.

Sesungguhnya rakyat rata-rata berasa lega dan gembira kerana diselamatkan dari aneka jenis tekanan dan keseksaan yang kita tidak sangka boleh melanda negara kita. Bahawa kita dapat merebut balik kebebasan kita dari kezaliman kerajaan kleptokrat adalah kejayaan luar biasa.

Sesungguhnya rakyatlah yang membebaskan diri mereka. Dengan berani mereka keluar berduyun-duyun untuk mengundi menolak kleptokrasi. Walaupun terdapat banyak halangan dan ugutan tetapi rakyat tidak gentar. Hasilnya ialah kejayaan yang luar dari dugaan.

Pertahankan kemerdekaan ini

Rakyat berhak gembira merayakan pencapaian mereka. Tidak banyak negara yang dapat menukar pemerintahan tanpa rusuhan dan kematian pejuang. Tetapi kerana kemenangan rakyat begitu besar dan nyata, pemerintah dahulu terpaksa akui kekalahan dan menyerah kuasa.

Inilah yang kita rayakan hari ini. Oleh kerana ini adalah kemenangan rakyat maka rakyat perlu nyatakan kegembiraan mereka dengan mengibar lambang negara kita, Jalur Gemilang. Mereka perlu kibar Jalur Gemilang di semua pelusuk negara, di bandar dan di kampung, di kereta dan di rumah, di pejabat dan di kedai-kedai, di jalan-jalan dan di lautan pun.

Biarlah dunia lihat bahawa negara kita selamat, dan diselamat oleh rakyat.

Ya, negara kita dibeban dengan berbagai masalah kerana salahguna kuasa oleh pemerintah dahulu. Hutang kita bertimbun, jentera kerajaan rosak, kemiskinan melanda

ramai rakyat, perniagaan dan dagangan merosot. Banyak masa perlu dihabis dalam usaha memulih negara. Tetapi berkat sokongan rakyat kerajaan dapat berusaha mengatasi masalah-masalah ini dalam keadaan stabil.

Kita tidak berminat untuk balas dendam. Tetapi tidak dapat tidak, tindakan terpaksa diambil terhadap mereka yang membawa bencana kepada negara tercinta ini.

Kita akan pegang kuat kepada *the rule of law*, kepada pemerintahan mengikut undang-undang, walaupun proses ini mengambil masa. Benar lebih mudah dan lebih cepat jika undang-undang diketepikan atau disalahguna. Tetapi kita tidak hendak melaku zalim kepada sesiapa. Kita utamakan keadilan. Inilah janji kita. Akan kita pegang kepada janji walaupun melambatkan proses menghukum mereka yang kita tahu bersalah. Semua ini kita lakukan kerana Malaysia adalah negara kita dan kita sayang negara kita Malaysia. Patriotisme adalah satu perasaan yang mulia.



Slogan kita untuk perayaan kedua-dua kemerdekaan negara kita ialah "Sayangi Malaysiaku".

Slogan ini tepat dan kena pada masanya. Kerana kita sayangi Malaysia maka kita berusaha menyelamatkan negara kita dari kleptokrasi.

Sekarang saya ulangi buktikanlah kesayangan kita kepada Malaysia kita dengan mengibar Jalur Gemilang. Kerajaan pilihan rakyat berjanji akan berusaha sungguh-sungguh untuk mengembalikan negara bertuah ini sehingga menjadi *Asian Tiger* semula. Kita yakin kita boleh jika tidak sepenuhnya tetapi meletakkan balik ke jalan yang dapat membawa kita ke arah itu.

Hanya yang kita minta ialah kesabaran, kesabaran dari rakyat, dari jentera kerajaan dan anggota kerajaan. Kita tidak dapat tabur duit percuma kerana kita tidak ingin menyalahguna kuasa yang diberi

**Sayangi
Malaysiaku**





kepada kita sebagai kerajaan. Kita juga tidak akan tipu dan menubuh syarikat untuk selewengkan wang yang dihutang olehnya. Tetapi percayalah apabila kita majukan negara, rakyat akan dapat bukan sahaja nikmat dari pembangunan tetapi nikmat dari peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan.

Kita akan kawal kos sara hidup supaya wang yang kita perolehi akan dapat membeli lebih banyak barangan dan khidmat dari dahulu. Ini akan berlaku kerana daya keluaran kita akan meningkat dengan mengguna cara-cara baru yang lebih efisien dan produktif.

Kehidupan rakyat akan menjadi lebih bahagia kerana kebebasan bersuara dan bersurat akhbar. Hak perikemanusiaan akan dinikmati oleh semua. Rakyat bebas mengkritik kerajaan. Mereka tidak lagi akan didera dengan dikenakan cukai tambahan, pembekuan wang di bank, diturun pangkat, dihenti kontrak dan bermacam lagi deraan yang dikenakan kepada mereka jika tidak menyokong kerajaan dahulu. Sebuah negara akan maju jika rakyatnya maju. Untuk menentukan rakyat maju maka peluang menuntut pelajaran akan diperbanyakkan melalui biasiswa dan menambah pusat-pusat latihan dan pelajaran.



Semarakkan Semangat Patriotisme - Kibarkan Jalur Gemilang

Bulan Ogos sinonim dengan Bulan Kebangsaan yang semestinya perlu diisi dengan aktiviti-aktiviti berbentuk patriotik dan kenegaraan bagi menzahirkan rasa cinta kepada negara.

Antara aktiviti paling mudah yang boleh kita semua lakukan adalah mengibarkan Jalur Gemilang. Kempen kibar Jalur Gemilang dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) ini tidak akan berjaya jika rakyat Malaysia tidak menyokongnya.

Berbanggalah untuk mengibarkan Jalur Gemilang di mana-mana sahaja; di rumah, di kereta, di bangunan dan di mana sahaja yang sesuai. Kibarkanlah Jalur Gemilang bagi menzahirkan rasa cinta terhadap negara sekali gus bersyukur dengan nasib kita yang begitu baik kerana dapat menukar kerajaan tanpa rusuhan.

Latihan kemahiran akan ditingkatkan supaya nilai ekonomi rakyat akan meningkat. Bagi yang terlatih dan cekap peluang kerja akan ditingkatkan melalui berbagai rancangan.

Kerajaan harap rakyat akan sambut baik perancangan dan strategi kerajaan. Kita semua sedar rancangan apa pun tidak akan berjaya jika tidak dituruti dengan kesediaan dan perlengkapan rakyat bagi merebut peluang-peluang yang akan diwujudkan. Menepuk tidak mungkin berbunyi dengan sebelah tangan sahaja.



Kita Punya Malaysia

Rakyat Malaysia yang dihormati sekalian, Merdeka bukan sekadar bebas daripada cengkaman kuasa dan minda penjajah, tetapi juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka itu dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara ini dengan apa cara sekalipun. Diucapkan terima kasih kepada yang telah menyumbang kepada Tabung Harapan Malaysia. Buktikanlah yang rakyat Malaysia sanggup berkorban untuk Malaysia.

Bersamalah kita bangun tegap dengan bangganya untuk Sayangi Malaysiaku!, kerana negara 'Malaysia adalah Kita Punya'.

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan, semoga Malaysia terus maju, aman dan harmoni.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini merasmikan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang 2018.

Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.





PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI BAGI BULAN OGOS 2018

DATARAN PERDANA, BANGUNAN PERDANA PUTRA,
PUTRAJAYA | 13 OGOS 2018



PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI BAGI BULAN OGOS 2018

DATARAN PERDANA, BANGUNAN PERDANA PUTRA,
PUTRAJAYA | 13 OGOS 2018

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera

Saya baru sahaja balik daripada Negara Jepun. Saya ke Negara Jepun ini sudah hampir 100 kali bermula tahun pada 1961. Sejak daripada masa itu, saya melihat negara Jepun ini semakin lama semakin maju. Tahun 1961, mereka baru sahaja mengalami peperangan. Negara mereka hancur. Sepatutnya mereka berasa amat marah kepada mereka yang menggugurkan bom dan lain-lain letupan ke atas negara Jepun. Tetapi yang berlaku tidak seperti yang dijangka, sebaliknya negara Jepun berbaik dengan musuhnya, Amerika Syarikat. Tetapi yang lebih utama ialah usaha orang-orang Jepun untuk memulih bagi membangunkan semula negara mereka dan hari ini kita lihat hasilnya.

Saya berpendapat bahawa berjaya bangsa Jepun ini dalam memulih semula negara mereka dan membangunkan sehingga menjadi kuasa ekonomi yang kedua di dunia, disebabkan oleh pegangan mereka kepada nilai hidup yang mulia. Mereka mempunyai semangat patriotisme yang amat kuat. Mereka sanggup berkorban untuk memulih semula negara mereka. Pada mulanya, selepas perang mereka amat miskin, tetapi selepas keadaan itu, mereka sanggup bekerja dengan upah hanya dengan satu bola nasi dengan sos. Itu sahaja bayaran yang diberikan kepada pekerja.

Namun, mereka bekerja dengan cukup kuat. Tidak peduli masa, tidak peduli iklim samada waktu sejuk atau panas. Mereka bekerja kerana

yakin sumbangan mereka itu akan menghasilkan pemulihan negara mereka dan pemulihan itu mungkin lebih baik daripada sebelum peperangan berlaku. Inilah yang terjadi kerana semangat patriotisme. Tetapi bukan semangat itu sahaja yg ada pada orang Jepun, mereka juga adalah bangsa yang berpegang kuat kepada budaya bekerja kuat. Tidak menghabiskan masa dengan sia-sianya. Mereka bekerja dengan kuat bukan semata-mata untuk upah, tetapi mereka berasa bangga dengan hasil kerja mereka. Mereka bangga kerana kerja mereka menyumbang kepada pemulihan negara mereka. Itulah balasan yang mereka idamkan.

Ini amat penting kalau kita mempunyai semangat yang sebegitu, yakinlah negara kita akan dapat dipulih dan akan dapat bangun sehingga kita menjadi sebuah negara maju. Ini lah yang mendorong orang Jepun kerana mereka berpegang kepada nilai hidup yang mulia. Apabila bekerja, mereka bekerja dengan cepat. Selain daripada itu, mereka juga beramanah dan mereka mempunyai satu kepercayaan atau sifat atau

pun nilai hidup yang menyumbang bertambah kepada kejayaan mereka. Saya telah sebut berkali-kali bahawa orang Jepun ini mempunyai perasaan malu yang amat kuat. Tetapi mereka bukan berasa malu seperti kita berasa malu. Kita berasa malu kalau kita menjadi miskin ataupun tidak dapat sesuatu. Bagi mereka, perasaan malu ini datang apabila mereka gagal melaksanakan sesuatu dengan sebaik mungkin.

Sebab itu apabila mereka disuruh berperang, mereka rela mati dan akan berasa malu kerana kegagalan mereka mencapai arahan akan matlamat mereka. Sebab itu, jika mereka kalah dalam berperang, beribu-ribu askar mereka akan lompat jatuh daripada *lift* untuk membunuh diri.

Tetapi apa yang berlaku berkenaan dengan perasaan malu mereka ini ialah setiap sesuatu yang mereka lakukan, hendaklah yang terbaik mungkin. Sebab itu, hari ini kita anggap barangan Jepun dan kereta Jepun mempunyai kualiti yang tinggi.



Jauh lagi tinggi daripada kereta Proton. Sebab itu orang kita lebih suka beli kereta Jepun walaupun mahal daripada kereta Proton. Tetapi, ia tidak seperti itu di Negara Jepun apabila mereka telah masuk ke bidang automotif, mereka mengeluarkan kereta yang tidak begitu tinggi mutunya. Lama kelamaan mereka dapat perbaiki sebab kereta keluaran mereka itu dibeli oleh rakyat mereka walaupun tidak sebaik mungkin kerana mereka mempunyai perasaan patriotisme secara praktikal bukan sahaja semangat tetapi gerak geri dan perbuatan mereka mencerminkan perasaan patriotisme mereka.

Sebab itu, mereka bantu sebarang industri daripada negara mereka. Oleh kerana bantuan mereka terhadap industri-industri ini termasuk pembuatan kereta semakin lama semakin maju dan hari ini mereka sudah sampai ke tahap negara yang dikenali dunia. Sebagai sebuah negara yang keluarannya yang bermutu tinggi. Ini adalah hasil daripada pengorbanan mereka iaitu membeli barangan buatan daripada negara mereka sendiri.

Sebenarnya, selama lima belas tahun tanpa henti, saya telah ditugaskan oleh orang Jepun untuk mengajar anak-anak Jepun yang umur belasan



tahun di Fukoka, Jepun tentang budaya Jepun. Ini adalah kerana anak muda Jepun masih keliru. Mereka lihat dalam diri, budaya yang berlainan sama sekali daripada budaya yang disampaikan oleh ibu bapa mereka. Sebab itu, mereka perlu dibawa semula kepada budaya yang memberi kejayaan kepada mereka. Saya telah perkenalkan polisi Pandang Ke Timur sebab di timur ada Jepun dan sekarang ini ada Korea dan China. Mereka maju dengan pesatnya sebab polisi budaya mereka.

Mereka bekerja keras dan mereka menentukan hasil kerja yang sebaik mungkin. Mereka juga berjaya bersaing sehingga hari ini kita tak nampak lagi kereta buatan mereka atas jalan raya kita dan dikalahkan oleh kereta Toyota, KIA, Hyundai.

Oleh itu, *whether you succeed or fail, depends on your culture.*

Pegawai-pegawai kerajaan lebih bertanggungjawab dan hendaklah buktikan bahawa pegangan mereka ialah kepada budaya yang mulia, budaya yang menolak segala perbuatan yang tidak baik dan rasuah umpamanya.

Kalau negara kita mempunyai pegawai yang berminat dengan rasuah, percayalah negara kita ini akan hancur. Hari ini pun, ia sudah sampai ke tahap itu. Kita hutang bertrilion ringgit dan sekarang kita menghadapi masalah untuk mentadbir negara kerana kekurangan wang. Dulu kita lihat, gaji pegawai-pegawai naik tetapi kenaikan gaji dan upah itu tidak mendatangkan apa-apa kebaikan jika ia disusuli dengan kenaikan kos



sara hidup kita. Gaji kita lebih tetapi daya beli kita sama dengan gaji kita yang dinaikkan. Negara yang kaya bukan membayar gaji yang lebih tetapi mempunyai daya beli, pendapatan yang lebih tinggi dan meningkat sepanjang masa.

Ini bergantung kepada produktiviti kita, dan daya keluaran kita. Jika daya keluaran kita itu meningkat bersama-sama dengan upah yang kita dapat, maka daya beli kita juga akan meningkat.

Tetapi jika daya keluaran kita itu kurang di tahap yang lama walaupun gaji naik, kos sara hidup akan meningkat kerana barangan yang lama dan murah dahulu akan jadi mahal. Kos pengeluaran akan meningkat dan kos sara hidup juga akan meningkat. Jadi waktu itu, walaupun gaji kita meningkat kepada 25 peratus, tetapi daya beli kita tidak meningkat kepada 25 peratus. Dengan itu, kita sekali lagi memohon supaya ditambah gaji dan upah tetapi jika ditambah tanpa daya pengeluaran yang meningkat

dan tambahan gaji yang kita dapat tidak mempunyai apa makna sekalipun.

Sebab itu, kita perlu semai nilai hidup yang mulia. Bagi dewasa, penyemaian ini sukar dilakukan kerana mereka sudah serap nilai hidup yang lama tetapi bagi anak-anak kita yang belasan tahun, mereka perlu disemai dengan nilai hidup yang mulia supaya negara kita terkenal sebagai negara yang bekerja kuat, tidak mungkir janji dan tidak meminta upah yang lebih sebaliknya menunggu kepada daya dan kualiti keluaran kita yang tinggi. Jika kita dapat dalam pemerintahan

kerajaan membuktikan bahawa kita mempunyai kualiti yang sebaik mungkin, dan daya kerja kita menghasilkan pentadbiran yang terbaik di dalam dunia ini, maka percayalah walaupun kita terpaksa berdiri di tengah panas pagi-pagi ini, mendengar syarahan daripada Perdana Menteri tetapi hasilnya mungkin baik juga.

Harapan saya adalah saya dapat semaikan nilai hidup yang mulia yang akan menjayakan bangsa dan negara kita supaya kita sekali lagi akan dihormati sebagai 'Harimau Dunia'.







PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN 2018

PUTRAJAYA | 30 OGOS 2018



PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN 2018

PUTRAJAYA | 30 OGOS 2018

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua rakyat Malaysia.

Buat ke sekian kalinya, kita menyambut Hari Kebangsaan. Secara rasminya, ia adalah Hari Kebangsaan kita kali yang ke-61 mengikut kiraan hari pengumuman kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka.

Banyak peristiwa yang telah dilalui oleh Persekutuan Tanah Melayu yang kemudiannya Malaysia sejak mencapai kemerdekaan dari jajahan British kepada sebuah negara berdaulat dan bebas melakar halatujunya mengikut acuannya sendiri.

Mulai dari hari itu, tugas yang digalas oleh kerajaan dan juga rakyat ialah mengisi kemerdekaan tersebut.

Cabaran yang dihadapi bukan sedikit. Sebagai sebuah negara yang baru merdeka, semuanya terpaksa dilakukan dari awal ataupun “*starting from scratch.*”

Ia bukan sesuatu yang mudah – hampir semua lapangan, pengalaman dan kepakaran dimiliki oleh pentadbir-pentadbir dan cerdik pandai penjajah dan amat sedikit dari kalangan anak bangsa yang mampu mengambil-alih sepenuhnya tanggungjawab itu.

Malahan sebahagian dari sistem pentadbiran dan perundangan yang ditinggalkan agak sukar untuk dilaksanakan kerana ianya direka bersesuaian dengan



keperluan mereka sebagai penjajah. Penduduk tempatan dapati tidak sesuai untuk diterima sepenuhnya.

Namun kita boleh bersyukur jika dibandingkan dengan negara lain yang terpaksa hadapi keadaan yang lebih teruk kerana penjajah meninggalkan negara-negara itu dalam keadaan kucar-kacir, tanpa pentadbir yang terlatih atau perundangan yang sesuai untuk dilaksanakan.

Negara kita bernasib baik kerana kebijaksanaan kepimpinan negara pada masa itu yang berjaya mendapatkan kemerdekaan menerusi perundingan dan bukan pemberontakan dan tumpah

darah. Dengan ini bekas penjajah dapat membantu di dalam keselamatan, pentadbiran dan perancangan masa depan negara.

Bantuan mereka bukanlah semata-mata kerana perasaan bertanggungjawab. Ia juga kerana keperluan kestabilan dan keamanan supaya pelaburan mereka dalam perladangan dan perlombongan terselamat.

Persekutuan Tanah Melayu ataupun *Federation of Malaya* yang menggantikan *Malayan Union* memang kaya dari segi hasil buminya. Kekayaan ini menyumbang banyak kepada kemajuan penjajah.



Dalam konteks ini, kemerdekaan yang dicapai cuma akan bermakna hanya apabila kita berjaya menghakis genggaman *neokolonialisme* atau penjajahan ekonomi yang mencemar kemerdekaan kita.

Dengan usaha yang gigih kita berjaya memajukan negara sehingga kita dapat tebus balik kekayaan kita. Satu daripada usaha kita ialah dengan mengadakan 'Dawn Raid' untuk membeli secara halal ladang Guthrie kita. Tetapi kita dituduh merampas atau *nationalise*. Namun demikian kita masih sanggup menerima pelaburan asing (FDI) termasuk dari negara penjajah juga. Tetapi mereka tidak dibenar campur tangan dalam politik dan pentadbiran negara. Kemerdekaan kita tetap dipelihara.

Kemudian Persekutuan Tanah Melayu beralih menjadi Malaysia. Kesanggupan orang Melayu bertolak ansur tidak dapat dipertikai atau ditandingi oleh sesiapa. Walaupun Malaysia mempunyai lebih banyak bangsa dan suku kaum, tetapi ianya tetap aman dan stabil dan membangun dengan pesatnya sehingga dikenali sebagai Harimau Asia. Sesungguhnya kemampuan Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 tetap ada.

Tetapi malangnya pertukaran pemerintahan membawa perubahan dasar dan pendekatan. Sistem demokrasi dan pentadbiran mengikut undang-undang digugur dan diganti dengan cara-cara lain. Hasilnya ialah Wawasan 2020 menjadi impian kosong.

Demikianlah kerosakan dan tekanan yang dirasakan oleh rakyat sehingga mereka berasa seolah-olah mencapai kemerdekaan sekali lagi apabila PRU 14 menghasilkan perubahan pemerintahan.

Ya, rakyat mencapai kejayaan hasil pendirian tegas mereka. Tetapi nikmat tidak datang melayang kerana kemenangan dicapai. Tindakan terhadap penjenayah juga tidak dapat dilakukan dengan serta merta.

Seperti kita tidak suka kepada cara-cara pentadbiran dahulu begitu juga kita tidak boleh amalkan cara yang kita benci dahulu. Pentadbiran mengikut undang-undang memerlukan masa untuk dilaksanakan. Tetapi percayalah akhirnya penjenayah akan meraih hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang telah mereka lakukan.

Sementara itu rakyat dan kerajaan perlu berganding bahu untuk memulihkan semula negara. Tugas kita memang berat. Tetapi tidak ada kuasa yang boleh menghalang gandingan rakyat dengan pemerintah.

Kita sudah lihat bagaimana negara yang telah kalah dan hancur dalam peperangan dapat memulihkan negara sehingga dalam masa yang singkat

dapat kembali maju kerana semangat dan usaha oleh rakyat dan pemerintah. Kita juga mampu. Kita juga boleh pulih semula negara kita Malaysia.

Kerajaan boleh tadbir dengan baik, berjimat cermat, berdisiplin dan mengawal nafsu. Ini sedang dilakukan. Walaupun masih sedikit tetapi pencapaian dalam mengurangkan hutang sudah ternampak. Kerosakan jentera pentadbiran telah dapat dipulih semula. Insya-Allah dengan tindakan yang sedang dan akan diambil, negara akan sihat semula.

Tetapi rakyat juga perlu memainkan peranan. Jikalau kerajaan tidak mampu hulur wang seperti dahulu, sebabnya ialah pembaziran seperti dahulu akan kejaskan proses pemuliharaan. Lagipun kerajaan ini tidak mencuri wang rakyat untuk diberi kepada rakyat sebahagian dari hasil pencurian.

Cara sebegini bukanlah cara yang terbaik. Kerajaan ini akan wujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan. Dengan cara ini pendapatan yang diperolehi lebih memuaskan. Ia adalah hasil titik peluh sendiri dan sudah tentu ia halal.



Kita akan naikkan upah mengikut kemampuan. Tetapi yang perlu diingati ialah kenaikan upah tidak bermakna jika kos sara hidup naik bersama.

Untuk menentukan kenaikan upah menambah daya beli, produktiviti perlu ditingkatkan melalui cara pengurusan yang lebih cekap, peningkatan kecekapan pekerja, penggunaan mesin, robotik dan otomasi dan tambahan pelaburan oleh majikan.

Kerajaan akan beri insentif dan hadiah kepada mereka yang berjaya meningkatkan produktiviti dengan

kos yang terendah. Kenaikan harga hasil perusahaan hendaklah dikawal.

Tetapi sepanjang masa kerajaan akan bantu rakyat yang benar miskin ataupun kurang upaya. Mereka akan dibantu lebih baik dari Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) umpamanya. Memberi RM500 atau RM1200 setahun tidak mencukupi untuk hidup sempurna. Ya. BRIM akan dikurangkan beransur-ansur tetapi yang daif dan tidak bekerja ataupun tidak dapat bekerja akan dibantu secara lebih bermakna.

Kita rayakan Hari Kebangsaan kali ini dengan perasaan lega dan



selesa. Sesungguhnya ini adalah Kemerdekaan kedua bagi kita. Kita sudah bebas daripada belenggu pemerintahan kejam. Hidup kita lebih selesa. Kerajaan PH ini akan jamin keadilan bagi semua rakyat, tanpa mengira kaum atau bangsa atau agama.

Sesuai dengan pencapaian dan perasaan yang kita lalui dan kongsi bersama, tema Hari Kebangsaan tahun ini ialah "Sayangi Malaysiaku."

Adalah diharap agar perasaan ini kekal dihati kita semua. Saya yakin, selagi perasaan ini ada bersama

kita semua, apa saja perbezaan, percanggahan dan rasa sangsi yang timbul, Malaysia akan tetap utuh dan maju.

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan. Semoga harapan kita agar Malaysia terus maju, aman dan saksama akan kekal selamanya. Sayangilah Malaysiaku ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Terima kasih.





PERUTUSAN HARI MALAYSIA 2018

PADANG MERDEKA, KOTA KINABALU,
SABAH | 16 SEPTEMBER 2018



PERUTUSAN HARI MALAYSIA 2018

PADANG MERDEKA, KOTA KINABALU,
SABAH | 16 SEPTEMBER 2018

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnianya kita dapat bersama-sama di Padang Merdeka, Kota Kinabalu untuk merayakan Hari Malaysia yang ke-55.

Kita baru sahaja menyambut Hari Kebangsaan yang menanda permulaan kemerdekaan bagi Malaysia. Kali ini sambutan Hari Malaysia pula adalah untuk memperingati hari ketika Malaysia ditubuh dan menjadi negara kita bersama.

Walaupun kita sudah menyambut Hari Malaysia berulang kali, namun kali ini ia agak berbeza kerana buat pertama kalinya, ia disambut dengan Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh gabungan parti politik yang berlainan.

Pakatan Harapan mengganti Barisan Nasional yang sebelum itu Perikatan, yang telah memerintah Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia sejak Merdeka lagi, iaitu selama 61 tahun.

Perubahan ini bukan sesuatu yang kecil kerana sebelum Pilihan Raya ke-14, penganalisis dan pemerhati politik rata-rata mengatakan adalah sukar, malahan ada yang mengatakan adalah mustahil, "*impossible*" untuk menjatuhkan kerajaan yang sudah bertapak sejak 61 tahun yang lalu.

Alhamdulillah, Pakatan Harapan berjaya walaupun tidak dijangka. Kejayaan ini adalah kehendak rakyat. Ia adalah sejenis "*people's power*"- kuasa rakyat. Barang siapa yang membelakangkan rakyat akan terima nasib yang sama. Pakatan Harapan dan Parti Warisan harus memahami hakikat ini.



Perubahan ini telah membawa kepada penggunaan slogan Malaysia Baharu secara meluas. Secara langsung harapan rakyat dan pemerintah berkait rapat – kita sudah tidak mahu cara pemerintahan kleptokrasi yang menolak demokrasi dan tidak berpandu kepada undang-undang.

Antara perkara pokok yang kita mahu ubah bersama-sama adalah budaya rasuah yang begitu menular dikalangan pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional, dan jentera kerajaan dibawah mereka.

Kepercayaan bahawa “Cash is King” - Duit adalah Raja – jelas tidak benar. Tolak sahajalah slogan ini dan kembali kepada Bersih, Cekap dan Amanah.

Malam ini kita bersama-sama di Sabah, salah satu wilayah yang bersama dengan Sarawak, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu yang bersetuju bergabung untuk membentuk keluarga yang lebih besar yang kita panggil Malaysia.

Semasa pembentukan Malaysia yang termeterai secara rasmi pada 16 September 1963 dalam perjanjian yang kita panggil **Malaysia Agreement** atau MA 63, keempat-empat wilayah ini bergabung sebagai “equal partners” atau rakan yang seangkatan – berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah.

Bagaimanapun, perjalanan yang dilalui Malaysia sejak itu agak berliku dan dua tahun selepas

Pastinya keperluan-keperluan pembangunan Sabah dan Sarawak perlu diberi perhatian kerana masih terdapat daerah-daerah yang mundur dan kelengkapan yang amat daif.

pembentukan Malaysia, Singapura terkeluar dari gabungan.

Tahun-tahun berikutnya telah juga menukar status Sabah dan Sarawak dari rakan sekutu kepada negeri-negeri di dalam Malaysia.

Malaysia Baharu dan Kerajaan Pakatan Harapan mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan mengembalikan status rakan sekutu kepada Sabah dan Sarawak. Ini adalah sebahagian dari proses yang akan dilaksanakan setelah kajian MA 63 disiapkan.

Pengembalian status Sabah dan Sarawak sebagaimana di dalam MA 63 memberi kita asas kukuh untuk mengeratkan hubungan ketiga-tiga wilayah.

Keperluan pembangunan Sabah dan Sarawak perlu diberi perhatian kerana masih terdapat daerah-daerah yang mundur dan kelengkapan yang amat daif.

Kajian MA 63 pastinya akan menimbulkan keperluan penilaian semula beberapa amalan yang telah terlaksana sebelum ini.

Harapan kita, apa saja penilaian semula yang dilakukan terhadap amalan-amalan ini perlulah dilakukan di dalam semangat setia kawan, saling menghormati dan sikap tolak ansur yang tinggi di antara kita.

Tanpa semangat dan sikap ini, kesatuan kita sebagai satu negara dan satu bangsa akan terhakis dan keindahan yang kita kecapai bersama selama ini akan hilang di masa akan datang.

Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan pasti tidak akan melupakan tanggungjawabnya kepada Sabah dan Sarawak dan akan mencari jalan untuk

memajukan infrastruktur yang akan dilaksana mengikut kehendak dan keperluan rakyat di sini.

Di masa yang sama, saya yakin, hubungan antara rakyat yang terjalin begitu lama pasti menyedarkan kita betapa perlunya terdapat semangat “*reciprocity*” atau timbal balik diantara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Atas semangat ini, pemimpin dan rakyat Sabah dan Sarawak pastinya sedar ada diantara negeri-negeri di Semenanjung yang juga masih serba kekurangan dan memerlukan bantuan yang berterusan daripada Kerajaan Pusat.

Saya yakin rakyat Sabah dan Sarawak berasa senang dan diterima di Semenanjung kerana kehadiran mereka di sana tidak ada sebarang sekatan atau “*encumberances*”.

Ini saya percaya telah berjaya mengeratkan hubungan sesama kita sebagai rakyat Malaysia. Keakraban yang terbina inilah yang telah membantu Malaysia kekal walaupun ada ketikanya timbul perbezaan pendapat diantara pemimpin-pemimpin dari ketiga-tiga wilayah ini.

Banyak yang telah kita lalui bersama di dalam negara yang kita panggil Malaysia.

Benar, perjalanannya tidaklah sentiasa lancar dan tersusun. Adakala kita tergelincir dan hilang arah. Yang penting, keupayaan kita “*to pick ourselves up*” atau bangun dan kembali ke landasan yang betul.

PRU ke-14 telah membuktikan keupayaan kita untuk bangun setelah terpesong dari landasan yang telah kita bina bertahun-tahun yang lalu. Walaupun kita telah terpesong amat jauh beberapa tahun kebelakangan ini dan kerosakan akibatnya amat besar dan susah untuk dibaiki, kita tidak ada pilihan melainkan terus berusaha memulihkan keadaan.

Mahu tidak mahu kita perlu membetulkan kerosakan tersebut kerana jika kita mengalah dan membiarkan ia berterusan, nilai kita sebagai sebuah negara yang bebas dan berdaulat akan hilang. Ini bermakna kita telah membenarkan mereka yang telah mengkhianati negara kita menang. Ini tidak boleh kita benarkan.



Jika pada tahun 1957 kita memerdekakan Semenanjung Tanah Melayu dari penjajahan, bergabung pada tahun 1963 untuk memperkukuhkan kedaulatan kita, tahun 2018 ialah kemerdekaan dan penggabungan kali ke-2 dari zaman kleptokrasi kuku-besi.

Seperti mana tahun 1957 dan 1963 telah meletak tanggungjawab yang besar kepada kita, tahun 2018 turut meletak tanggungjawab yang sama jika tidak lebih besar di bahu kita.

Rakyat dan pemimpin tidak takut dengan cabaran ini. Kita telah lalui



cabaran 1957 dan 1963 dengan jayanya. Dan kita tetap berjaya menangani cabaran 2018, Insya-Allah. *God Willing.*

Ini negara kita. Kitalah yang akan menentukan nasib kita. Tidak ada orang lain yang boleh menentukan nasib kita. Bangunlah

dan berjuanglah untuk mencapai matlamat negara tercinta ini.

Selamat Hari Malaysia. Sayangilah Malaysiaku kerana Malaysia Kita Punya.

Sekian, terima kasih.





UCAPTAMA KAJIAN SEPARUH PENGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020: KEUTAMAAN DAN PENEKANAN BAHARU

DEWAN RAKYAT | 18 OKTOBER 2018



UCAPTAMA
KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA
KESEBELAS 2016-2020:
KEUTAMAAN DAN PENEKANAN BAHARU

DEWAN RAKYAT | 18 OKTOBER 2018

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, dengan sukacitanya saya berdiri di hadapan Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu usul seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan dengan mengambil kira perubahan trend ekonomi global, kedudukan kewangan kerajaan serta pencapaian dua tahun pertama, 2016-2017 Rancangan Malaysia Kesebelas;

Merestui usaha Kerajaan Baharu pimpinan Pakatan Harapan untuk menambah baik dan memperkukuh agenda pembangunan negara berasaskan prinsip pertumbuhan dengan ekuiti ke arah mencapai status negara maju dan inklusif selaras dengan aspirasi Wawasan 2020;

Meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2018-2020 yang memberi keutamaan dan penekanan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif sedia ada serta memperkukuh tadbir urus bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang lebih inklusif dan mampan ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat menurut Kertas Perintah CMD. 22 Tahun 2018; dan

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, “Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia berganding bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan dibuat secara telus, adil dan saksama.”

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya bentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), 2016-2020 untuk dibahaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan saya peluang berdiri di Dewan yang mulia ini bagi membentangkan KSP RMKe-11. Ia adalah dokumen reformasi yang komprehensif dalam usaha mereformasikan negara.

Dokumen ini memperlihatkan anjakan pemikiran berkaitan pembangunan. Kita tidak lagi melihat pembangunan mengikut ukuran pertumbuhan ekonomi atau Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) semata-mata. Kita melihat pembangunan dari aspek

peningkatan kuasa beli rakyat dan pembangunan perlu dinikmati oleh semua rakyat atau “*shared prosperity*”. Ini bermakna tidak wujud jurang pendapatan yang terlalu lebar antara miskin dan kaya antara kaum dan suku kaum. Tidak harus ada golongan yang merasakan mereka terpinggir dari arus perdana pembangunan. Pembangunan juga tidak boleh meninggalkan negeri atau wilayah tertentu di belakang.

Pembangunan dalam erti kata sebenar perlu menyumbang kepada pembangunan bangsa Malaysia. Pertumbuhan ekonomi berterusan dan merata memerlukan persekitaran bukan ekonomi juga kukuh dan bebas dari cengkaman politik. Pentadbiran perlu bersih dari rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Kekayaan negara tidak akan dirompak oleh mana-mana pihak.

Rakyat menuntut perubahan. Maka pada 9 Mei 2018 rakyat membuka lembaran baharu dalam sejarah negara. Mereka memberikan mandat kepada Pakatan Harapan untuk peralihan kuasa secara aman dan tersusun.



Di hari tersebut, 12.3 juta rakyat Malaysia telah menamatkan pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional pimpinan kleptokrat.

Dengan mandat yang diberikan oleh rakyat, Kerajaan Pakatan Harapan dapat melaksanakan reformasi dan berusaha mengembalikan Malaysia ke landasan yang betul ke arah negara maju untuk semua. Tetapi pembinaan Malaysia Baharu tidak akan tercapai dalam masa yang singkat.

Rejim kleptokrat yang lalu telah menyebabkan kerajaan hari ini menanggung beban hutang yang

lebih dari satu trilion ringgit. Institusi dan pentadbiran awam negara juga telah rosak. Kerajaan Pakatan Harapan bertekad mereformasikan institusi awam supaya ia melaksana amanah rakyat.

KSP RMKe-11 ini membuat anjakan dan penyesuaian ke atas dasar dan strategi jangka sederhana. Sementara itu, strategi jangka pendek pembangunan negara akan dibentang dalam Bajet 2019 pada 2 November 2018 nanti.

Kajian Separuh Penggal ini juga merupakan dokumen dasar pertama Kerajaan Pakatan Harapan. Ia



menggariskan keutamaan dan penekanan baharu agar falsafah, dasar dan strategi pembangunan seiring dengan aspirasi rakyat dan azam kerajaan.

la menilai pencapaian dalam tempoh 2016-2017. Kajian ini juga menyemak semula sasaran, strategi dan inisiatif bagi tempoh 2018-2020 dengan mengambil kira perubahan trend ekonomi global, kedudukan kewangan kerajaan dan keutamaan semasa bagi memenuhi harapan rakyat.

PERSPEKTIF EKONOMI MAKRO

Prestasi Ekonomi, 2016-2017:

Dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan, 2016-2017, KDNK negara berkembang 5.1 peratus setahun dalam suasana inflasi pada kadar purata 2.9 peratus. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan agregat swasta yang kukuh, dengan pelaburan dan penggunaan swasta sebagai pemacu.

Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita pada harga semasa pula meningkat pada kadar purata



6.7 peratus, daripada RM 36,119 (atau 9,248 Dolar Amerika) pada tahun 2015 kepada RM 41,093 (atau 9,556 Dolar Amerika) pada tahun 2017. Dari segi pariti kuasa beli (atau PPP), PNK per kapita Malaysia telah mencecah 28,650 Dolar Amerika seperti dianggarkan oleh Bank Dunia. Pencapaian ini menempatkan Malaysia dalam kumpulan 25 persentil teratas daripada 217 negara.

Berdasarkan paras minimum negara berpendapatan tinggi yang ditetapkan oleh Bank Dunia sebanyak 12,056 Dollar Amerika bagi tahun 2017, terdapat jurang pendapatan 21 peratus yang perlu diatasi sebelum Malaysia berjaya melepasi status negara berpendapatan menengah tinggi.

Pertumbuhan ini secara umumnya diterima antara yang terbaik di rantau ini. Namun, apa yang lebih bermakna ialah KDNK dari aspek pendapatan, iaitu siapa yang menerima manfaat pertumbuhan ekonomi ini. Sejak satu dekad yang lepas, kebanyakan manfaat pertumbuhan ini dinikmati oleh pemilik modal dan hanya sebahagian kecil iaitu sekitar satu per tiga daripada KDNK dinikmati oleh pekerja. Di samping itu, terdapat jurang pendapatan yang ketara antara pekerja berkemahiran tinggi yang mendapat upah yang lumayan berbanding dengan mereka yang kurang berkemahiran dan mendapat upah yang rendah. Oleh itu, pertumbuhan ekonomi ini kurang dirasai oleh kebanyakan rakyat.

Sesuatu yang menidakkan kesahihan angka prestasi ekonomi negara ialah amalan peruntukan “*off budget*” iaitu pengasingan urusan kewangan di luar budget. Jika hutang, perbelanjaan, kehilangan wang berbilion diambil kira maka kedudukan kewangan negara tidaklah sebaik seperti angka yang dicatat di atas. Kerajaan BN telah berbelanja dengan boros dan tidak berhemat.

Sekarang kita perlu berbelanja dengan cermat. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan perlu dikukuhkan. Amalan kewangan yang tidak telus akan dihentikan dan ketirisan pada semua peringkat ditangani. Langkah ini termasuk mengkaji semula pelaksanaan projek yang tidak mampan dan membatalkan projek berkeutamaan rendah. Namun, projek pembangunan sosioekonomi yang berimpak tinggi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat akan diteruskan.

Prospek Ekonomi, 2018-2020

Langkah berjimat cermat bagi tempoh 2018-2020 boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi tetapi hanya bersifat sementara. Saya yakin dengan langkah membasmi ketirisan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Ekonomi disasarkan berkembang antara 4.5 hingga 5.5 peratus setahun, disokong oleh permintaan dalam negeri dan luar negeri,

terutamanya permintaan kukuh dalam kalangan negara rantau Asia. Permintaan swasta dijangka kekal menerajui pertumbuhan ekonomi, dengan pelaburan swasta dijangka berkembang 5.7 peratus setahun.

Dengan penambahbaikan tadbir urus dan peningkatan hasil, kerajaan yakin kedudukan fiskal dapat dipulihkan pada akhir tahun 2020. Kerajaan menasarkankan defisit fiskal sebanyak 3 peratus kepada KDNK pada tahun 2020. Antara langkah proaktif yang telah berjaya diambil adalah

- Pertama : Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam;
- Kedua : Memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat;
- Ketiga : Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang;
- Keempat : Memperkasa modal insan;
- Kelima : Mempertingkat kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau; dan
- Keenam : Memperkukuh pertumbuhan ekonomi.

TONGGAK 1: MEREFORMASI TADBIR URUS KE ARAH MENINGKATKAN KETELUSAN DAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN AWAM

Mandat yang diberikan oleh rakyat adalah untuk kita melakukan perubahan. Maka reformasi tadbir urus menjadi keutamaan. Kita telah memulakannya dengan menukar pemimpin institusi kritikal seperti institusi kehakiman, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).

Tadbir urus kerajaan perlu diperbaiki. Ketelusan akan ditingkatkan bagi mencegah rasuah dan membasmi salah guna kuasa.

Keutamaan Pertama: Menambah Baik Tadbir Urus pada Semua Peringkat

Langkah tegas dan berkesan akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan mekanisme semak dan imbang pada semua peringkat. Sistem pentadbiran undang-undang juga akan dimantapkan dengan mengasingkan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya supaya diurus oleh dua individu yang berlainan.



Kuasa autonomi Parlimen akan dipertingkat dengan memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963. Sistem jawatankuasa pemilih akan diwujudkan. Jawatankuasa ini akan memperaku pelantikan jawatan utama di SPRM, SPR, Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Suruhanjaya tertentu seperti SPRM dan SPR akan juga bertanggungjawab secara langsung kepada Parlimen.

Hubungan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan akan ditambah baik dengan mengembalikan semula semangat *federalisme*. Kerajaan negeri akan diperkasa melalui proses pengagihan kuasa pusat bagi beberapa fungsi termasuk pengangkutan awam, perkhidmatan sosial dan perlindungan alam sekitar.

Langkah segera untuk mereformasi sistem politik akan dilaksanakan. Tempoh perkhidmatan jawatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri akan dihadkan kepada dua penggal. Perdana Menteri juga tidak akan memegang portfolio lain.

Penambahbaikan sistem Pilihan Raya akan dilaksana dengan membersihkan daftar pemilih, menambah baik proses pengundian pos dan menyediakan akses yang adil kepada media. Had umur mengundi akan diturunkan kepada 18 tahun dan undang-undang berkaitan pembiayaan politik akan diperkenal.

Keutamaan Kedua: Meningkatkan Integriti dan Akauntabiliti

Kerajaan bertekad untuk meningkatkan integriti dan akauntabiliti serta membanteras gejala rasuah secara menyeluruh yang melibatkan sektor awam dan swasta. SPRM akan ditransformasi sebagai sebuah badan bebas sepenuhnya dan Akta SPRM 2009 akan dikaji semula secara menyeluruh. Undang-undang pencegahan rasuah juga akan diperkukuh dengan mengkaji semula Akta Perlindungan Saksi 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.



Rakyat perlu ada tempat untuk mengadu. Ombudsman Malaysia akan ditubuhkan untuk menyiasat dan melaporkan secara bebas aduan terhadap agensi kerajaan. Bagi mempertingkatkan integriti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis akan ditubuhkan.

Keutamaan Ketiga: Menguatkuasakan Pelaksanaan Pengurusan Kewangan Awam secara Berhemat

Reformasi menyeluruh ke atas mekanisme pengurusan dana awam akan dilaksanakan. Strategi yang akan dilaksanakan adalah

mempertingkatkan sistem belanjawan negara, menambah baik pengurusan perolehan serta memperkukuh rangka kerja pengurusan prestasi, pemantauan dan penilaian. Pelaksanaan sistem perakaunan akruan juga akan dipercepat dan Akta Prosedur Kewangan 1957 akan dikaji semula.

Prosedur perolehan kerajaan akan ditambah baik dengan memperkenalkan rangka kerja perundangan berkaitan yang lebih komprehensif dan berkesan, serta menguatkuasakan pelaksanaan tender terbuka. Kerajaan juga akan mengkaji semula rangka kerja projek perkongsian awam-swasta bagi mengoptimumkan sumber.



Keutamaan Keempat: Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Awam

Usaha akan dipergiat untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam dengan mereformasi institusi sektor awam. Satu pasukan petugas khas akan ditubuh untuk menilai peranan dan fungsi pelbagai entiti termasuk badan berkanun dan syarikat milik kerajaan.

Ke arah menghapuskan pertindihan dan mengurangkan kerenah birokrasi serta mempercepat penyampaian perkhidmatan, aspek prosedur dan proses

kerja akan dikaji semula dengan memanfaatkan teknologi terkini. Jentera perkhidmatan awam akan diperkemas ke arah meningkatkan kecekapan dan produktiviti melalui adaptasi model kecemerlangan perniagaan sebagai instrumen analisis prestasi kementerian dan agensi.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sebagai pihak yang paling hampir dengan rakyat, akan diperkasa selaras dengan keperluan rakyat dan perkembangan teknologi. Ini akan dilaksanakan melalui penarafan PBT berdasarkan tahap kecemerlangan penyampaian perkhidmatan.

TONGGAK 2: MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN INKLUSIF DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Pendekatan pembangunan inklusif akan dilaksanakan melalui penekanan kepada pertumbuhan dengan ekuiti untuk meningkatkan kesejahteraan semua rakyat.

Keutamaan Pertama: Meningkatkan Inklusiviti ke arah Masyarakat yang Saksama

Saya ingin tegaskan bahawa peningkatan pendapatan sahaja tidak mencukupi kalau tidak diiringi dengan peningkatan kuasa beli. Bagi meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat, terutama isi rumah, daya keluaran produktiviti mestilah dinaikkan. Ini boleh dicapai melalui latihan kecekapan dan pengurusan yang lebih cekap dan bagi sektor pembuatan, penggunaan mesin dan teknologi yang moden dan canggih termasuk robotik dan automasi akan dipergiat.

Kita juga perlu prihatin dengan rakyat yang hilang mata pencarian akibat sakit, kemalangan dan lain-lain. Maka, sistem perlindungan sosial akan diperkukuh. Selain itu, program bantuan kerajaan, khususnya yang melibatkan jaringan keselamatan sosial akan dikaji semula supaya lebih bersasar.

Reformasi Agenda Pemerkasaan Bumiputera akan terus diberi penekanan. Antara inisiatif yang akan diambil adalah perubahan minda yang positif dan penerapan nilai murni, pengukuhan keberkesanan institusi dan program, pemerkasaan modal insan dan pengukuhan pendidikan dan latihan bagi mendapatkan pekerjaan bergaji tinggi.

Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara (KBN) yang diadakan pada 1 September 2018 telah menghasilkan 63 resolusi yang sedang diteliti oleh kerajaan. Kerajaan akan memastikan agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera dapat membentuk generasi Bumiputera baharu yang berpegang teguh kepada nilai moral integriti serta sikap rajin berusaha.

Sebagai kerajaan yang prihatin ke arah mewujudkan masyarakat yang saksama, usaha akan dipertingkatkan untuk memperkasa kumpulan minoriti. Program khusus akan dilaksanakan bagi suku-suku kaum Sabah dan Sarawak dan juga Orang Asli, di kawasan luar bandar dan pedalaman. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk penawaran lebih banyak program dan peluang pendidikan, latihan kemahiran dan keusahawanan. Bagi kumpulan tertentu dalam kalangan masyarakat India dan Cina, beberapa program khusus akan dilaksanakan bagi membangunkan potensi ekonomi mereka dan membasmi kemiskinan.

Pelbagai program dan inisiatif akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak, belia, wanita, institusi keluarga, warga kurang upaya dan warga emas. Antaranya ialah membangunkan Pelan Hala Tuju Kesejahteraan Kanak-kanak serta program pembangunan dan pemerksaan belia. Bagi mempertingkatkan penglibatan wanita dalam pasaran buruh, majikan digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan aturan kerja yang fleksibel.

Selain itu, program pembangunan keluarga seperti kemahiran keibubapaan, menyemak semula dasar dan perundangan yang berkaitan orang kurang upaya dan menggalakkan persekitaran penuaan yang aktif bagi warga emas akan dilaksanakan.

Keutamaan Kedua: Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Pelbagai inisiatif akan dilaksanakan bagi meningkatkan kuasa beli rakyat dan mengurangkan beban peningkatan kos sara hidup. Tumpuan juga akan diberi untuk membendung kenaikan harga barang melalui pelbagai langkah seperti kawalan harga, mempergiat penguatkuasaan dan mempertingkat tahap konsumerisme.

Perumahan adalah penting untuk kesejahteraan keluarga. Sebanyak 200,000 unit rumah mampu milik disasarkan dalam tempoh 2018-2020 dengan menggalakkan penglibatan yang lebih luas oleh sektor swasta. Majlis Perumahan Mampu Milik Negara akan ditubuhkan untuk menyelaras pengurusan perumahan mampu milik awam.



Kerajaan komited untuk memperkukuh sistem penyampaian penjagaan kesihatan. Antaranya, mewujudkan dasar kesihatan negara, meningkatkan kapasiti modal insan dan kemudahan kesihatan serta mengkaji model skim penjagaan kesihatan ke arah mewujudkan skim pembiayaan kesihatan nasional.

Dalam meningkatkan kapasiti kemudahan kesihatan awam, sebuah Pusat Kanser Wilayah Utara akan dibina sebagai pelengkap kepada Institut Kanser Negara. Kerajaan juga akan mewujudkan

sebuah pusat kawalan dan pencegahan penyakit kebangsaan di Nilai, Negeri Sembilan untuk mengesan, mencegah dan mengatasi ancaman penyakit.

Perbandaran dan perindustrian yang pantas memberikan tekanan kepada kesejahteraan mental. Satu pelan tindakan akan dirangka bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kesihatan mental. Selain itu, dasar dan peraturan baharu akan digubal untuk mengawal selia produk, teknologi dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dalam talian.

Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan berkompromi dalam soal keselamatan dan kedaulatan negara. Tumpuan akan diberi untuk mengukuh keupayaan dan kapasiti agensi penguatkuasaan dan keselamatan serta mempergiat usaha pencegahan jenayah. Bagi mengekang pencerobohan sempadan, kawalan terutamanya di pintu masuk negara akan dipertingkatkan.

Perpaduan nasional dan kesepaduan sosial akan terus dipupuk untuk menjamin keharmonian negara. Untuk itu, Kerajaan akan menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat dan mewujudkan Indeks Perpaduan Nasional sebagai instrumen untuk memantau tahap perpaduan dan keharmonian.

Dalam perjuangan mencapai status negara maju, kita, khususnya generasi muda, tidak harus lupa aspek nilai dan jati diri. Sehubungan itu, peranan keluarga, sekolah dan komuniti akan diperkukuh bagi mempromosi nilai murni dan memupuk budaya kebangsaan.

Sukan akan terus menjadi platform untuk menggalak gaya hidup aktif dan sihat serta menyatupadukan rakyat. Oleh itu, lebih banyak kemudahan sukan dan rekreasi akan dibangun dan dinaik taraf. Pendekatan baharu, iaitu keseluruhan sukan, akan juga dilaksana bagi menggalakkan kecemerlangan sukan dan gaya hidup sihat.

TONGGAK 3: MENUJU KE ARAH PEMBANGUNAN WILAYAH YANG SEIMBANG

Semua negeri perlu maju bersama. Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan membiarkan mana-mana negeri tertinggal di belakang. Oleh itu, kerajaan memperkenalkan kembali agenda pembangunan wilayah yang seimbang sebagai keutamaan.

Selaras dengan ini, kerajaan akan memastikan peruntukan pembangunan yang lebih saksama kepada negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis supaya mencapai pembangunan yang lebih setara.



Keutamaan Pertama: Memperkukuh Pembangunan Ekonomi Wilayah

Untuk memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah, perancangan pembangunan pada peringkat nasional, wilayah dan negeri perlu diperkemas. Penyelarasan antara negeri bagi penyediaan infrastruktur akan dipertingkat untuk mengoptimum penggunaan sumber serta memoden dan mempelbagaikan asas ekonomi bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi.

Keutamaan Kedua: Merapatkan Jurang Pembangunan antara Bandar dan Luar Bandar

Kerajaan akan memastikan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan. Untuk itu, rangkaian jalan raya akan diperluas dengan membina dan menaik taraf 1,500 kilometer lagi jalan luar bandar. Kerajaan juga memperluas akses kepada bekalan air bersih dan terawat meliputi sasaran 60,000 tambahan rumah, meluaskan akses bekalan elektrik kepada



sasaran 41,160 tambahan rumah. Sementara itu, infrastruktur digital akan dipertingkat untuk memperluas liputan dan menambah baik kualiti jalur lebar melalui pembinaan 300 menara telekomunikasi baharu dan menaik taraf 1,000 menara sedia ada.

Aktiviti ekonomi setempat di luar bandar akan ditingkatkan untuk menjana pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan serta perniagaan. Aktiviti ekonomi luar bandar yang mampan seperti industri asas tani, ekopelancongan dan agropelancongan juga akan

digalakkan. Bantuan akan diberi termasuk menyediakan premis perniagaan untuk usahawan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di luar bandar.

Keutamaan Ketiga: Mempercepat Pembangunan di Sabah dan Sarawak

Sabah dan Sarawak berpotensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi lebih tinggi dengan mengoptimalkan sumber asli yang ada. Untuk itu, kerajaan akan mengagihkan pendapatan minyak dan gas secara saksama mengikut

perundangan sedia ada. Satu Jawatankuasa Khas Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji semula dan memantau pelaksanaan yang wajar bagi Perjanjian Malaysia 1963.

Demi kemakmuran rakyat di Sabah dan Sarawak, infrastruktur asas seperti bekalan air dan elektrik luar bandar turut akan dipertingkatkan. Beberapa inisiatif akan dilaksanakan termasuk meningkatkan liputan jalur lebar di kawasan luar bandar meliputi pembinaan 106 menara telekomunikasi baharu dan menaik taraf 400 menara sedia ada. Kerajaan juga akan menyediakan 7,000 unit rumah mampu milik serta menaik taraf 400 buah sekolah daif. Dari segi kemudahan kesihatan, tiga buah hospital akan dinaik taraf, iaitu di Papar, Miri dan Lawas.

Pembangunan tanah adat adalah penting untuk mewujudkan aktiviti ekonomi dan menjana pendapatan masyarakat setempat.

Oleh itu, kerjasama antara kerajaan negeri, agensi berkaitan, pemilik tanah dan pelabur akan


dipertingkatkan. Aktiviti pengukuran dan pemetaan Hak Tanah Adat akan dilaksanakan bagi membolehkan tanah adat dibangunkan.

TONGGAK 4 : MEMPERKASA MODAL INSAN

Kerajaan akan terus memberi penekanan untuk membangunkan modal insan bagi memenuhi keperluan industri dan menyokong pertumbuhan ekonomi.

Keutamaan Pertama : Merefomasi Pasaran Buruh

Kerajaan akan mereformasi pasaran buruh ke arah mewujudkan pekerjaan berkemahiran yang menawarkan gaji yang tinggi, dengan menggalakkan automasi dan inovasi, menerima guna teknologi baharu serta mengkomersialkan harta intelek. Pelaburan berkualiti tinggi juga akan diberi keutamaan untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran. Bagi meningkatkan gaji dan upah, semakan secara berterusan ke atas dasar gaji minimum dan pembentukan Indeks Gaji Kebangsaan akan dilaksanakan.



Perbezaan kadar gaji minimum antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah berjaya ditangani. Mulai 1 Januari 2019 gaji minimum bulanan diseragamkan kepada 1,050 ringgit di seluruh negara. Di samping itu, perluasan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti akan dipergiatkan.

Kerajaan berazam untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing melalui penambahbaikan pengurusan pekerja asing. Antara langkah yang dicadangkan adalah mengenakan sistem levi berperingkat yang progresif berasaskan kepada

jumlah pekerja asing yang digaji. Harus diingat jika pekerja tempatan sanggup bekerja maka pekerja asing tidak akan datang ke negara kita.

Keutamaan Kedua: Menambah Baik Kecekapan dan Produktiviti Buruh

Kerajaan akan mengukuhkan hak pekerja dan meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh bagi menambah baik kecekapan dan produktiviti buruh. Hak pekerja akan diperkukuh melalui kajian semula undang-undang perburuhan dan pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan yang menyeluruh.

Pekerja yang diinsuranskan akan menerima manfaat yang merangkumi elaun mencari pekerjaan, latihan, penempatan pekerjaan dan kaunseling kerjaya. Adalah amat penting kita menyediakan pekerja dan golongan profesional menghadapi *disruption* yang bakal dibawa oleh Revolusi Perindustrian Keempat. Revolusi ini akan menghapuskan banyak jenis pekerjaan seperti buruh manual dalam sektor pembuatan, tetapi juga akan mencipta peluang pekerjaan baharu seperti penyelenggaraan dan kejuruteraan robotik dan automasi.

Keutamaan Ketiga: Meningkatkan Akses kepada Pendidikan dan Latihan yang Berkualiti

Kerajaan akan meningkatkan akses yang saksama kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti. Bagi pendidikan asas, usaha akan ditumpu kepada peningkatan pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM), penguasaan Bahasa Inggeris dan peningkatan kemahiran berfikir aras tinggi.



Bagi menetapkan standard pendidikan yang lebih tinggi serta memupuk nilai murni dan budaya kerja yang positif seperti diamalkan di Jepun, kerajaan akan mengkaji semula kedua-dua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Sementara itu, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 akan dikaji semula dengan menggantikannya

dengan perundangan baharu yang menyeluruh dan lebih baik ke arah mewujudkan kebebasan akademik, bersuara dan berpersatuan.

Dalam tempoh akhir Rancangan, kerajaan akan melaksanakan Projek Pembinaan Bangunan bagi Pusat Perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar dan Pakar di Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kompleks Fakulti Perubatan Veterinar di Universiti Malaysia Kelantan dan Hospital Pengajar di Universiti Malaysia Sarawak. Kerajaan juga akan meningkatkan kualiti tenaga pengajar institusi pendidikan tinggi dengan meneruskan penajaan Skim Latihan Akademik untuk mereka melanjutkan pengajian di peringkat PhD.

Kerajaan hari ini komited untuk meningkat keupayaan belia dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) bagi memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi. Kerajaan akan meneruskan program latihan prapekerjaan di bawah skim Latihan Bakal Pekerja dengan menyediakan dana bagi membantu membiayai yuran program di pusat pembangunan kemahiran negeri.



Keutamaan Keempat : Memupuk Jalinan Industri- Akademia yang Lebih Kukuh

Kerjasama industri dan akademia yang lebih erat adalah penting untuk memadankan penawaran dengan permintaan. Keutamaan akan diberi untuk membangunkan kemahiran berkaitan industri dengan melaksanakan program berasaskan industri dan mengiktiraf teknologis sebagai profesional.

Kerajaan juga akan menggalakkan institusi TVET untuk mempelajari dan menerima guna amalan terbaik daripada Jepun, khususnya melalui penerapan pengetahuan dan kemahiran teknologi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran.

TONGGAK 5: MEMPERTINGKAT KEMAMPAAN ALAM SEKITAR MELALUI PERTUMBUHAN HIJAU

Kerajaan komited untuk memastikan pembangunan sosioekonomi turut memberi penekanan kepada aspek perlindungan alam sekitar, selaras dengan Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan.

Keutamaan Pertama: Memperkuh Tadbir Urus

Tadbir urus akan diperkuh bagi mudah cara peralihan ke arah pertumbuhan hijau dan pengurusan sumber yang lebih baik. Sehubungan ini dasar, perundangan, standard dan garis panduan berkaitan alam sekitar dan sumber asli akan dikaji semula atau diwujudkan dan ditanda aras dengan amalan terbaik antarabangsa.

Semua projek pembangunan perlu mematuhi standard perlindungan alam sekitar dan garis panduan pembangunan. Dalam hal ini, rangka kerja institusi akan diperkuh, manakala kapasiti dan keupayaan pemantauan serta penguatkuasaan akan ditambah baik. Pelaksanaan pematuhan sendiri dipimpin dalam kalangan industri akan diperluas, manakala masyarakat dan pihak berkepentingan akan terus digalak untuk menghargai dan melindungi alam sekitar.

Keutamaan Kedua: Memulihara Sumber Asli

Usaha untuk melindungi, memulihara dan memulihkan khazanah strategik negara adalah penting bagi memastikan kemampuan dan sumbangan berterusan kepada pembangunan. Pewartaan lebih banyak kawasan terestrial, air daratan, pesisir pantai dan marin sebagai kawasan perlindungan akan dipergiat. Bagi menangani konflik antara manusia dengan hidupan liar, lebih banyak laluan untuk hidupan liar akan disediakan.

Keutamaan Ketiga: Menangani Perubahan Iklim dan mengurangkan Risiko Bencana


Langkah mitigasi perubahan iklim akan dipergiat bagi memenuhi komitmen di bawah Perjanjian Paris. Dalam hal ini, pelan tindakan mitigasi nasional akan disediakan dan pelaksanaan cukai karbon akan diteliti. Sementara itu, langkah adaptasi perubahan iklim akan terus dilaksana dan pelan tindakan akan dirangka sebagai panduan dalam perancangan dan penyelarasan langkah adaptasi di seluruh negara.

Penerimgunaan konsep penggunaan dan pengeluaran mampan akan digalakkan melalui perluasan inisiatif perolehan hijau kerajaan dan inisiatif merubah sisa kepada kekayaan ataupun sisa kepada tenaga. Manakala, penggunaan plastik sekali guna akan dikurangkan.

Kebergantungan kepada bahan api fosil akan dikurangkan melalui peningkatan sumbangan tenaga boleh baharu (*renewable*) dalam penjanaan elektrik.


Penjanaan elektrik daripada biojisim dan biogas akan digalak, manakala daya maju teknikal dan potensi aplikasi komersial teknologi baharu akan diteroka seperti grid mikro dan penyimpanan tenaga dalam bateri. Di samping itu, pengurusan permintaan tenaga akan terus diperkukuh melalui penyediaan pelan induk bagi meningkatkan kecekapan dan penjimatan tenaga. Penggunaan sistem LED akan ditingkatkan.

Keupayaan pengurusan risiko bencana akan ditingkat melalui integrasi langkah pengurangan risiko bencana dalam perancangan dan pembangunan. Kesiapsiagaan menghadapi bencana juga akan dipertingkatkan melalui pembangunan sistem bersepadu bagi ramalan cuaca dan banjir serta amaran awal banjir. Keupayaan tindak balas agensi berkaitan bencana dan komuniti juga akan dipertingkatkan bagi mengelakkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.



TONGGAK 6 : MEMPERKUKUH PERTUMBUHAN EKONOMI

Momentum pertumbuhan ekonomi akan diperkuh dengan merangsang aktiviti ekonomi dan menggalakkan pelaburan swasta. Tumpuan akan diberi kepada pengukuhan asas ekonomi berlandaskan inovasi, kreativiti dan aktiviti nilai ditambah tinggi ke arah meningkatkan produktiviti dan daya saing industri.



Perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada KDNK

Keutamaan Pertama: Memperkuh Pertumbuhan Sektoral dan Mereformasi Struktur

Sektor perkhidmatan akan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, sektor perkhidmatan yang berintensif pengetahuan akan dipertingkat. Usaha juga akan dipergiat bagi mewujudkan ekosistem yang dinamik, menggalakkan penerimgunaan teknologi terkini dan e-dagang serta memanfaatkan *platform digital* untuk mempromosi produk dan perkhidmatan bagi menembusi pasaran antarabangsa.

Sehubungan itu, Malaysia akan dijenamakan semula sebagai destinasi pelancongan utama dan produk ekopelancongan tempatan akan dimanfaatkan untuk menarik lebih ramai pelancong.

Kerajaan akan menggalakkan peralihan sektor pembuatan ke arah pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pelbagai dan kompleks. Subsektor pembuatan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi, iaitu aeroangkasa dan peranti perubatan, juga akan diutamakan. Pihak industri perlu meningkatkan produktiviti dengan mempercepat penggunaan robotik, automasi dan inovasi, menjalankan penyelidikan dan pembangunan serta melaksanakan amalan pengeluaran mampan.

Kerajaan sedar kepentingan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam ekonomi. Oleh itu, usaha untuk mewujudkan PKS yang berdaya tahan dan mampan akan terus dilaksanakan. Matlamat kerajaan adalah untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK kepada 41 peratus pada tahun 2020.

Sumbangan PKS kepada eksport juga akan ditingkatkan melalui inisiatif pengantarabangsaan dan promosi eksport.

Bagi sektor pertanian, reformasi subsektor agromakanan akan diteruskan bagi meningkatkan sumbangan subsektor ini kepada nilai ditambah pertanian kepada 42.8 peratus pada tahun 2020 serta mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan. Ini termasuklah inisiatif mengurus permintaan dan penawaran makanan, membangunkan input alternatif dan sumber kekayaan baharu serta memperkenalkan aktiviti pertanian nilai tambah yang tinggi. Inisiatif ini akan meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan penternak.

Keutamaan Kedua : Mempercepat Inovasi dan Penerimgunaan Teknologi

Negara perlu memanfaatkan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Oleh itu, rangka kerja dasar nasional mengenai 4IR akan dibentuk untuk menggalakkan



inovasi, kreativiti dan daya saing dalam menghadapi revolusi digital yang semakin berkembang pesat. Manakala, Dasar Negara Mengenai Industri 4.0, 2018-2025 yang menggariskan pelan tindakan penggunaan teknologi berkaitan Industri 4.0 akan dilancarkan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pembuatan. Tumpuan juga akan diberi kepada beberapa bidang seperti bioteknologi, nanoteknologi, teknologi digital, teknologi hijau dan teknologi neuro yang akan melonjakkan kemajuan sains, teknologi dan inovasi.

Keutamaan Ketiga: Menyediakan Infrastruktur yang Berkualiti

Kerajaan akan memastikan infrastruktur yang disediakan adalah berkualiti dari segi integrasi, liputan dan ketersambungan serta kemampuan dan kemampunan. Bagi memperkukuh ketersambungan merentas wilayah, pembinaan lebuh raya di luar kawasan Lembah Klang akan terus diberi keutamaan, antaranya meneruskan pelaksanaan jajaran *Central Spine Road* dan Lebuh raya Kota Bharu-Kuala Krai.

Selain itu, pembesaran terminal, pemanjangan landasan dan penambahbaikan kemudahan bagi lapangan terbang terpilih akan dilaksana. Misalnya, menaik taraf kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Pertumbuhan logistik dan fasilitasi perdagangan akan dipertingkatkan melalui inisiatif *uCustoms*, gerbang tunggal yang menyediakan proses bersepadu dan lengkap bagi pelepasan kargo, yang akan dilancarkan pada awal tahun 2019. Inisiatif ini akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta daya saing pemain logistik Malaysia. Langkah untuk menambah baik infrastruktur digital akan terus dilaksana. Ke arah ini, kapasiti dan liputan jalur lebar akan terus dipertingkatkan menerusi *National Fiberisation and Connectivity Plan* untuk mencapai sasaran 95 peratus liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk.

Usaha menambah baik perkhidmatan bekalan air kepada negeri yang mempunyai rizab margin rendah seperti Kedah dan

Perlis akan diberi keutamaan melalui menaik taraf loji sedia ada dan membina loji baharu. Pembinaan loji rawatan kumbahan serantau dan berpusat di bandar utama seperti Alor Setar, Kuantan dan Taiping akan dilaksana.

Kerajaan akan memastikan bekalan tenaga yang berdaya harap dan mampan bagi mengukuhkan jaminan tenaga dan meningkatkan kecekapan bekalan tenaga. Ini akan dicapai melalui pembinaan fasiliti terapung gas asli cecair yang kedua milik PETRONAS di luar pesisir pantai Sabah serta projek *Refinery and Petrochemical Integrated Development* (RAPID) di Pengerang, Johor.

Kecekapan dan daya harap bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia akan ditingkatkan menerusi pelaksanaan fasa kedua Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR), dari tahun 2018 hingga tahun 2020. Pelaksanaan IBR akan diperluas ke Sabah dalam tempoh akhir Rancangan.



Sementara itu, pembinaan loji janakuasa baharu akan dilaksanakan melalui bidaan kompetitif supaya lebih telus dan wujud persaingan sihat dalam kalangan pemain industri.

MALAYSIA DAN DUNIA

Semua yang saya bentangkan ini menjurus untuk memperkukuh ekonomi, institusi awam dan tadbir urus kerajaan. Apabila kita berjaya, bermakna kita telah menebus maruah negara dan bangsa Malaysia. Kita akan dihormati kembali oleh dunia. Malaysia boleh kembali menyuarakan kepentingan

negara-negara kecil di forum-forum dunia. Ini yang dilakukan baru-baru ini di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Malaysia tidak dapat mengelak dari percaturan politik dunia khususnya antara kuasa-kuasa besar. Lebih-lebih lagi kedudukan Malaysia yang berhadapan dengan Laut China Selatan di mana berlaku ketegangan antara Amerika Syarikat dan China. Kita mengambil sikap berkecuali. Kita mahu rantau ini kekal aman dan bebas seperti yang termaktub dalam doktrin ZOPFAN. Sebagai sebuah negara perdagangan kita mahu kebebasan pelayaran - *freedom*

of navigation - terjamin. Malaysia tidak boleh melakukan ini secara bersendirian. Kita perlu berpegang kepada prinsip *collective security*. Justeru, Malaysia perlu berperanan untuk memperkukuh ASEAN untuk menjamin agar rantau ini terus stabil dan selamat.

Apa yang saya bentangkan adalah untuk rakyat. Untuk semua rakyat dari Perlis hingga Sabah. Untuk orang Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Murut dan Orang Asli dan etnik-etnik lain yang semua bernaung di bawah langit Malaysia.

Kita mahu Malaysia yang bersatu padu. Kita mahu rakyat Malaysia berjaya dan menikmati kekayaan negara. Saya mengajak semua rakyat Malaysia menggalas tanggungjawab ini. Jika semua yang terkandung dalam dokumen ini dilaksanakan, saya yakin Malaysia akan mengaum kembali sebagai Harimau Asia. Imej Malaysia akan bertukar dari sebuah negara kleptokrat kepada sebuah negara demokrasi tulen dengan kerajaan yang bersih,

luhur dan berintegriti. Rakyat Malaysia di mana-mana tempat di seluruh pelusuk dunia boleh memperkenalkan dirinya dengan bangga: Saya rakyat Malaysia.

Inilah tekad kita. Inilah janji kita. Saya berdoa kepada Tuhan agar kita dapat melaksanakannya bersama seluruh bangsa Malaysia.

Akhir sekali, harapan saya adalah pada anak muda. Sebahagian besar generasi saya telah pergi. Kepada siapa akan kami tinggalkan nasib bangsa dan negara ini, kalau tidak kepada generasi muda. Saya seru kepada generasi muda: belajarlah segala ilmu yang boleh menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Dapatkan segala kemahiran. Perkukuhkan jati diri. Pegang teguh pada agama dan nilai-nilai murni. Tolak rasuah dengan sekeras-kerasnya. Hayati kebenaran, kejujuran dan keadilan. Ayuh, marilah kita semua berganding bahu dan bersatu untuk mencipta masa depan Malaysia yang lebih gemilang.

Saya mohon mencadang.





PERASMIAN PAMERAN PERTANIAN, HORTIKULTUR DAN AGRO PELANCONGAN MALAYSIA (MAHA) 2018

TAPAK MALAYSIA AGRO EXPOSITION PARK SERDANG
(MAEPS) SERDANG, SELANGOR | 22 NOVEMBER 2018



PERASMIAN PAMERAN PERTANIAN, HORTIKULTUR DAN AGRO PELANCONGAN MALAYSIA (MAHA) 2018

TAPAK MALAYSIA AGRO EXPOSITION PARK SERDANG
(MAEPS) SERDANG, SELANGOR | 22 NOVEMBER 2018

Terlebih dahulu saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di atas jemputan untuk merasmikan pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia ataupun *Malaysia Agriculture, Agro-Horticultural and Agrotourism show* – MAHA 2018 ini.

MAHA mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan telah melalui pelbagai peringkat hinggalah ianya wujud dalam bentuk yang kita kenali pada hari ini.

Program dwi-tahunan ini, walaupun secara khusus adalah mengenai pertanian, hortikultur dan agro pelancongan, ianya telah berkembang sehingga menjadi sebahagian dari lanskap negara yang mempamerkan kemajuan dan pencapaian Malaysia.

